

KDN nafi Anwar diberi layanan buruk

BH 18 MAY 2000
KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Dalam Negeri (KDN) menafikan dakwaan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi layanan buruk ketika dalam tahanan.

Timbalan Menteri, Datuk Chor Chee Heung, berkata sistem perundangan Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi, sebaliknya melayan setiap pesalah secara saksama.

"Saya menafikan Datuk Seri Anwar Ibrahim dilayan dengan buruk sama ada di mahkamah atau ketika ditahan reman.

"Bila seseorang itu didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara, beliau perlu melalui proses pemulihan yang sama dengan orang lain walaupun dia ada kedudukan dalam masyarakat," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais, semalam yang menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melayan bekas timbalannya dengan cara yang bertamadun.

Rais dipetik agensi berita Antara sebagai berkata demikian pada sidang akhbar bersama isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Masjid Al Azhar, di selatan Jakarta semalam.